

**SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK –  
INSURANS PERJALANAN**

(Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan **Pelan Insurans TravelStar**. (Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).

Nama penawar khidmat kewangan: **Liberty General Insurance Berhad**  
 Nama produk: **Pelan Insurans TravelStar**  
 Tarikh: **01/03/2024**

**Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut **Perenggan 5 daripada Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya **untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

**Kontrak Insurans Komersial**

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

**1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?**

Polisi ini menawarkan perlindungan komprehensif bagi kecemasan ketika perjalanan, termasuk Kemalangan Diri hinggalah kepada Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik.

**2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

Polisi ini memberi perlindungan ke atas:

- Kemalangan Diri;
- Perbelanjaan Perubatan;
- Kehilangan dan Kesulitan;
- Liabiliti;
- Perkhidmatan Kecemasan.

Tempoh perlindungan untuk perjalanan satu hala ialah 90 hari, untuk perjalanan dua-hala ialah selama 185 hari dan untuk perlindungan tahunan ialah selama 1 tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?**

Bayaran premium akan dikira berdasarkan kawasan dan tempoh masa perlindungan adalah seperti di bawah:

TEMPOH MASA INSURANS	*INDIVIDU (RM)	** KELUARGA (RM)
<b>ASIA</b>		
1-5 hari	32	72
6-10 hari	46	110
11-18 hari	62	150
19-31 hari	72	200
Setiap tambahan minggu	20	50
Tahunan	224	460

TEMPOH MASA INSURANS	*INDIVIDU (RM)	** KELUARGA (RM)
<b>SELURUH DUNIA (TIDAK TERMASUK AMERIKA SYARIKAT &amp; CANADA)</b>		
1-5 hari	42	100
6-10 hari	60	140
11-18 hari	95	235
19-31 hari	130	300
Setiap tambahan minggu	35	85
Tahunan	336	545
<b>SELURUH DUNIA (TERMASUK AMERIKA SYARIKAT &amp; CANADA)</b>		
1-5 hari	52	130
6-10 hari	80	195
11-18 hari	120	300
19-31 hari	170	420
Setiap tambahan minggu	45	110
Tahunan	364	610

Nota 1: \* Pelan Individu – Pencadang berumur 19 tahun sehingga umur 80 tahun

\*\* Pelan Keluarga – Pencadang, Isteri/Suami berumur 19 tahun sehingga umur 80 tahun, dan kesemua anak berumur 18 tahun dan kebawah.

Amaun premium ini adalah sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem.

#### 4. Berapakah bayaran serta caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran serta caj-caj yang perlu dibayar adalah:

Jenis	Jumlah
<b>Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat</b>	25%
<b>Duti setem</b>	RM10.00
<b>Cukai Perkhidmatan</b>	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

\* Tiada cukai kerajaan akan dikenakan untuk Polisi Perjalanan Luar Negara. Walau bagaimanapun, cukai kerajaan hendaklah terpakai untuk Polisi Perjalanan Domestik dan Polisi Tahunan.

#### 5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang patut diberi perhatian?

- Terma dan syarat-syarat utama yang patut diberi perhatian ialah "Tanggungjawab untuk memberitahu", di mana anda mesti memberitahu semua fakta atau maklumat contohnya destinasi perjalanan anda yang akan mempengaruhi profil risiko.
- **Tunai Sebelum Perlindungan** (hanya untuk Individu Polisi) – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- **Notis Tuntutan** – Semua tuntutan mestilah dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh 30 hari selepas butiran lengkap kejadian tersebut dimana tuntutan sedang dibuat.

#### Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan ke atas kematian atau kecederaan disebabkan oleh keadaan-keadaan berikut:

- Risiko peperangan;
- Bunuh diri dan hilang akal;
- Kecederaan yang disengajakan;
- AIDS atau sebarang penyakit berkaitan atau menjalani ujian darah berkaitan HIV/AIDS;
- Pembunuhan akibat daripada rasa marah atau serangan; dan
- Aktiviti sukan yang berbahaya.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

#### 6. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, bayaran balik untuk premium yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.

#### 7. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat saya?

Anda hendaklah memberitahu kami sebarang perubahan pada maklumat surat-menyurat anda. Ini adalah untuk memastikan semua dokumen berkaitan dapat diterima oleh anda dalam masa yang ditetapkan.

#### 8. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada naskhah insuranceinfo berkaitan 'Insurans Pengembara', yang terdapat di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan naskhah daripada agen insurans.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

#### Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan

#### Liberty General Insurance Berhad

Dahulu dikenali sebagai Amgeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,

CT9, Pavilion Damansara Heights,

3, Jalan Damanlela

Pusat Bandar Damansara,

50490 Kuala Lumpur.

Tel. No: 03-2268 3333 or 1-300-888-990

E-mel : [customer@libertyinsurance.com.my](mailto:customer@libertyinsurance.com.my)

Laman Web : [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)

**9. Insurans Perjalanan lain yang ditawarkan.**

Tiada.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KECACATAN BAGI POLISI INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCALONKAN PENAMA SERTA MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac, 2024.